

Masyarakat sumber terbaik sebuah negara

UM - 6/9/2004: 8 Perdana

KUALA LUMPUR 5 Sept. — Nilai-nilai positif di dalam budaya dan masyarakat menjadi penentu kepada kejayaan industri pembangunan sumber manusia sesebuah negara.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana sumber terbaik bagi sebuah negara adalah masyarakat dan penduduknya dan bukan sebarang hasil bumi yang terdapat di dalam negara tersebut.

"Jepun adalah sebuah negara yang mempunyai hasil bumi dan tanah pertanian yang terhad tetapi masih mampu menjadi sebuah negara yang berjaya hasil daripada kerajinan, sikap disiplin dan kemahiran tinggi di kalangan rakyatnya," katanya lagi.

Dr. Mahathir berkata demikian di dalam ucapannya pada persidangan Persatuan Kesenian dan

Peminat Salleh Tahir (Salleh Tahir Arts and Fans Association - STAFA) di Iskandariah, Mesir hari ini. Teks ucapannya dikeluarkan di sini.

Jelas beliau, masyarakat Jepun mempunyai daya inovasi yang tinggi di dalam memperkenalkan pelbagai cara kerja dan mengurangkan kos.

"Selain daripada itu masyarakat Jepun juga mengamalkan budaya kawalan kualiti di kalangan setiap pekerja serta mendingar cadangan serta pandangan dari pihak tenaga kerja," tambahnya.

Menurut beliau, masyarakat Jepun juga mengamalkan sikap belajar daripada kesilapan di mana pada awalnya produk buatan negara Jepun jauh lebih rendah kualitinya daripada produk buatan Eropah.

"Bagaimanapun, sikap positif yang ada pada me-

reka mampu menjadikan Jepun antara negara perindustrian dan pengeluar yang terbaik di dunia sekarang ini," katanya.

Tambah beliau, amalan serta budaya kerja yang baik secara tidak langsung memastikan semua produk yang dihasilkan oleh sesebuah masyarakat itu berkualiti dan berinovasi.

Menurut Dr. Mahathir, perubahan daripada sebuah negara berasaskan pertanian kepada sebuah negara berasaskan industri dan ekonomi turut memerlukan masyarakat merubah minda mereka.

"Ini adalah penting utamanya bagi negara Islam yang mengamalkan norma-norma yang ortodoks dan konservatif," katanya lagi.

Di dalam masyarakat sebegini, tambah beliau, perubahan tidak akan diterima malahan akan dipertikaikan.



MAHATHIR MOHAMAD

"Bagaimanapun, pembangunan ekonomi tidak boleh dicapai melalui amalan pertanian yang dijalankan secara kecil-kecilan dan mengamalkan sistem lama," katanya.

Industri pembangunan sumber manusia juga, ka-

tanya, perlu mengkaji aspek sosial pekerja dari masa ke masa bagi memastikan semua pekerja peka dan dapat menerima perubahan.

Sebagai contoh, tambah beliau, pada hari ini kemahiran berbahasa Inggeris merupakan satu aset.

"Satu faktor kejayaan Malaysia di dalam menarik pelaburan asing ialah keupayaan rakyat Malaysia untuk memahami bahasa Inggeris walaupun kebanyakan daripada mereka tidak dapat bertutur di dalam bahasa tersebut dengan betul," jelas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, pakar-pakar di dalam bidang pembangunan sumber manusia tidak harus mengabaikan usaha menerapkan pelbagai nilai positif dan murni di kalangan golongan pekerja demi kejayaan sesebuah negara.